



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAMANSARA JAYA  
Jalan SS 22A/1, Damansara Jaya  
47400 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Kod Sekolah : BEA 8608



Rujukan Kami : SMKDJ 700-2/1/2 ( )  
Tarikh: 19 Januari 2023

Kepada  
Ibu bapa / penjaga  
Yang Berbahagia Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### HARI ORIENTASI MURID TINGKATAN SATU SMK DAMANSARA JAYA TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Hari Orientasi Murid Tingkatan Satu Tahun 2023 akan diadakan berdasarkan ketetapan berikut;

Tarikh : 18 Mac 2023 (Sabtu)  
Masa : 7:30 pagi - 12:30 tengah hari  
Tempat : Dewan Acacia, SMK Damansara Jaya

3. Penempatan kelas murid tingkatan satu adalah penempatan sementara sehingga murid menjalani Ujian Saringan Asas Sains Komputer, Ujian Diagnostik bahasa Melayu dan Matematik. Penempatan baharu akan dibuat setelah semua keputusan ujian diperoleh. Penempatan dibuat bukan berdasarkan 3 ujian ini sahaja tetapi turut mengambil kira keputusan Ujian Sesi Akhir Akademik (UASA) Tahun 6 murid.

4. Ujian Saringan Asas Sains Komputer akan dijalankan selama 30 minit pada Hari Orientasi Tingkatan 1, manakala Ujian Diagnostik bahasa Melayu dan Matematik pula pada hari Isnin (20 Mac 2023). Urusan pengambilan dan pengisian borang pinjaman buku teks (SPBT) juga akan dilaksanakan pada hari orientasi.

5. Kerjasama Yang Berbahagia Dato'/Datin/Tuan/Puan memastikan anak/jagaan memakai **uniform lengkap sekolah** pada hari tersebut amat kami hargai.

Seluruh warga sekolah mengalu-alukan anak/jagaan Yang Berbahagia Dato'/Datin/Tuan/Puan ke SMK Damansara Jaya dan mengucapkan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada kami untuk mendidik dan membimbing anak Yang Berbahagia Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(AHMAD EZZAT BIN ISMAIL)

Pengetua,  
SMK Damansara Jaya.

**"BERILMU UNTUK BERJASA"**

Telefon : 03-77296018  
Fax : 03-77291880  
Email : [bea8608@moe.edu.my](mailto:bea8608@moe.edu.my)